

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan oleh;

1. YB. Kuala Nerus pada 18 hb Jun 2014 dan
2. YB. Sekijang pada 18 hb Jun 2014,

yang menyentuh isu-isu berkaitan yang sedang hangat diperkatakan oleh masyarakat kita iaitu isu penipuan pakej pelancongan umrah.

Tuan yang di-Pertua,

Syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang menjalankan **perniagaan secara tidak berhemah** seperti kes tidak memberi perkhidmatan mengikut terma dan syarat yang dipersetujui atau penipuan boleh dikenakan **tindakan** membayar balik wang yang dibayar, membayar pampasan, tindakan kompaun atau pembatalan lesen atau didakwa di mahkamah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya. Manakala bagi syarikat atau individu yang menjalankan **operasi secara tidak sah**, Kementerian akan mengambil **tindakan pendakwaan** kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen. Bagi memastikan syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti penipuan menerima hukuman yang lebih berat, Kementerian telah merujuk kes penipuan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk dikenakan tindakan di bawah Kanun Keseksaan.

Tambahan kepada itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga mengambil langkah-langkah berikut:

- i) Meningkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya ke atas syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan juga syarikat atau individu yang mengendalikan pakej tanpa lesen;
- ii) Membuat semakan semula ke atas kadar denda mahkamah yang dikenakan ke atas pesalah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya;
- iii) Melaksanakan kempen kesedaran mengenai penipuan umrah secara berterusan kepada golongan sasaran terutama wakil Jawatankuasa Masjid/Surau, pemimpin masyarakat dan orang ramai supaya mengetahui ciri-ciri dan modus operandi syarikat umrah palsu serta kepenggunaan dari segi pemilihan pakej umrah yang sah oleh syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang berlesen dengan Kementerian;
- iv) Kementerian telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membantu menyampaikan maklumat dan kesedaran awam mengenai penipuan pakej umrah melalui khutbah Jumaat; dan
- v) Kementerian juga akan memperluaskan hebahan mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan penipuan pakej pelancongan khususnya melalui media elektronik dan media sosial.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2009 hingga Mei 2014, sebanyak sembilan (9) kes penipuan umrah telah direkodkan oleh Kementerian ini membabitkan lapan (8) buah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang berlesen dan sebuah syarikat pengendalian pelancongan yang tidak berlesen. Kesemua kes melibatkan seramai 3,611 mangsa dengan anggaran kerugian sebanyak RM 14.1 juta.

Sekian, terima kasih.